



KELULUSAN MENGGUNA TEMPAT PENSTORAN BAHAN RADIOAKTIF PUNCA TIDAK TERKEDAP - MINERAL

1. Permohonan kelulusan ini disediakan bagi tujuan mendapatkan kelulusan untuk mengguna satu tempat penstoran bahan radioaktif bagi punca tidak terkedap melibatkan mineral.
2. Sebelum kelulusan ini dipohon, pihak syarikat perlu memuat turun dokumen **LAMPIRAN 1-BPP** di tab Permohonan → Kebenaran seperti Rajah 1 di bawah :



Rajah 1

3. Klik pada pautan **LAMPIRAN 1-BPP [KLIK DI SINI]** untuk muat turun dokumen yang dikehendaki seperti di bahagian 2(a) dalam Rajah 2 di bawah:



Rajah 2

4. Dokumen tersebut perlu diisi dan dilengkapkan sebelum permohonan kelulusan ini dipohon.
5. Setelah dokumen lengkap, pastikan dokumen tersebut diimbas ('scan') dan simpan dalam bentuk cetakan lembut ('softcopy') untuk memudahkan ianya dimuat naik semasa permohonan kelulusan dibuat.
6. Setelah **BAHAGIAN A** selesai, teruskan ke **BAHAGIAN B** dalam Rajah 2.
7. Pilih Jenis Permohonan Kelulusan di bahagian 2(b): "**Mengguna Tempat Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap**" dan klik butang Seterusnya>> di bahagian 2(c).
8. Paparan berikut akan dipaparkan seperti Rajah 3 di bawah:

| Senarai Alamat Yang Telah Mendapat Kelulusan Dari Permohonan Membina Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap | | | | | |
|--|-----------------|---|--------|--------|----------|
| | Jenis Penstoran | Alamat | Poskod | Daerah | Negeri |
| Pilih | Penstoran Tetap | no 30, jalan telawi 4, mukim senandung, | 43000 | KAJANG | SELANGOR |
| Pilih | Penstoran Tetap | NO.8, JALAN SELASIH, TAMAN TEMBAKAU, | 43000 | KAJANG | SELANGOR |

Sila Pilih Alamat Yang Berkaitan

Rajah 3

9. Klik pada butang Pilih bagi alamat yang dikehendaki seperti bahagian 3(a). Maklumat perincian akan dipaparkan seperti Rajah 4 di bawah:

| Maklumat Tempat Penstoran | |
|--|---|
| Jenis Penstoran * | Penstoran Tetap |
| Alamat Lokasi * | NO.8, JALAN SELASIH, TAMAN TEMBAKAU, |
| Poskod * | 43000 |
| Daerah * | KAJANG |
| Negeri * | SELANGOR |
| Latitud * | 2.3333 (4 titik perpuluhan, contoh : 1.4891) |
| Longitud * | 102.3344 (4 titik perpuluhan, contoh : 103.4223) |
| Gambar Tempat Penstoran * | <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen |
| Borang Pengukuran Dos Dedahan Sinaran Luar (In-Situ) Ditempat Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap-Mineral (Lampiran 1-BPP) * | <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen |
| | <input type="button" value="Simpan"/> |

Rajah 4

10. Maklumat alamat akan dipaparkan berdasarkan pilihan yang dipilih.
11. Muat naik dokumen Gambar Tempat Penstoran dan Lampiran 1-BPP (merujuk kepada bahagian 4(a)). Klik butang Simpan (rujuk bahagian 4(b)).
12. Selepas maklumat disimpan, paparan maklumat adalah seperti Rajah 5. Klik butang Seterusnya>>.

Senarai Alamat Yang Telah Mendapat Kelulusan Dari Permohonan Membina Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap

| | Jenis Penstoran | Alamat | Poskod | Daerah | Negeri |
|--------------|-----------------|---|--------|--------|----------|
| Pilih | Penstoran Tetap | no 30, jalan telawi 4, mukim senandung, | 43000 | KAJANG | SELANGOR |
| Pilih | Penstoran Tetap | NO.8, JALAN SELASIH, TAMAN TEMBAKAU, | 43000 | KAJANG | SELANGOR |

Maklumat Tempat Penstoran

Jenis Penstoran * Penstoran Tetap

Alamat Lokasi *

Poskod * 43000

Daerah * KAJANG

Negeri * SELANGOR

Latitud * 2.3333 (4 titik perpuluhan, contoh : 1.4891)

Longitud * 102.3344 (4 titik perpuluhan, contoh : 103.4223)

Gambar Tempat Penstoran * No file chosen [\[Muat Turun \]](#)

Borang Pengukuran Dos Dedahan Sinaran Luar (In-Situ) Ditempat Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap-Mineral (Lampiran 1-BPP) * No file chosen [\[Muat Turun \]](#)

<< Sebelum
Seterusnya >>

Rajah 5

13. Paparan seperti Rajah 6 di bawah akan dipaparkan:

Carian Maklumat

Jenis Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap - Mineral

**Senarai Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap - Mineral Yang Telah Diluluskan
Dari Permohonan Membina Tempat Penstoran Punca Tidak Terkedap**

| Jenis Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap | Kuantiti | Kepekatan Keaktifan (Activity Concentration) | Pilih Bahan Yang Terlibat |
|---|----------|--|-------------------------------|
| antimoni | 1 kg | 0.035 Bq/g | <input type="checkbox"/> 6(a) |
| Monozite | 10 kg | 0.25 Bq/g | Bahan Belum Dilesenkan |
| Scandium Chloride | 12 kg | 0.01 Bq/g | <input type="checkbox"/> 6(b) |
| Thorium Oxide | 10 kg | 0.035 Bq/g | Bahan Belum Dilesenkan |
| Besi Oksida | 11 kg | 0.035 Bq/g | Bahan Belum Dilesenkan |

Senarai Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap - Mineral Yang Dipilih Bagi Permohonan Ini :


| Unsur | Kuantiti | Kepekatan Keaktifan (Activity Concentration) | Batal |
|-------------|----------|--|-------|
| Tiada Rekod | | | |

Sila Isikan Maklumat Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap Yang Terlibat

Rajah 6

14. Senarai bahan radioaktif yang telah diluluskan semasa permohonan Kelulusan Membina Tempat Penstoran Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap bagi alamat penstoran yang dipilih akan dipaparkan.
15. Jika bahan tersebut telah dilesenkan dan belum pernah diluluskan untuk permohonan mengguna tempat penstoran, item *checkbox* akan dipaparkan seperti bahagian 6(a).
16. Klik *checkbox* (rujuk bahagian 6(a)) di ruangan Pilih Bahan Yang Terlibat dan klik butang Simpan (rujuk bahagian 6(b)).
17. Maklumat yang berjaya disimpan dipaparkan di bahagian "Senarai Bahan Radioaktif Punca Tidak Terkedap – Mineral Yang Dipilih Bagi Permohonan Ini". Jika ingin membatalkan pilihan, klik pada ruangan Batal.
18. Setelah selesai, klik butang Seterusnya>>.

19. Paparan Aduan Pengesahan akan dipaparkan seperti Rajah 7 di bawah:



Aduan Pengesahan Permohonan Kelulusan

Nama Syarikat [REDACTED]

Nama OBTL [REDACTED]

Jawatan OBTL PENGARAH URUSAN

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar

**PIN SIJIL DIGITAL : [REDACTED]

<< Sebelum Hantar Borang

Rajah 7

20. Di halaman aduan pengesahan, tandakan di bahagian 7(a) dan isikan nombor Pin Sijil Digital di bahagian 7(b).
21. Setelah lengkap, klik butang Hantar Borang seperti di bahagian 7(c). Permohonan akan dihantar untuk diproses.